

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SELANGOR KINI
TARIKH : 29 APRIL 2016

MBSA proaktif banteras habitat Aedes

SHAH ALAM - Sebanyak 212 kompaun dikeluarkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sehingga 16 April lalu atas pelbagai kesalahan pembiakan jentik-jentik dan habitat Aedes.

Dalam tempoh sama, sebanyak 4,013 kes demam denggi dicatatkan di Shah Alam khususnya di perumahan kos rendah dan kawasan perindustrian.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad, berkata MBSA menggalakkan masyarakat supaya lebih peka memastikan persekitaran kediaman berada dalam keadaan bersih dan bebas daripada pembiakan jentik-jentik.

"Orang ramai diharap boleh terlibat secara tidak langsung dengan mengambil masa selama 10 minit setiap minggu untuk memastikan kawasan kediaman dan premis berada dalam keadaan bersih serta kemas.

"MBSA juga memohon kerjasama orang ramai supaya mengambil masa hanya 10 minit seminggu untuk membersihkan kawasan luar dan dalam premis masing-masing bagi mengelakkan pembiakan jentik-jentik dan Aedes," katanya dalam kenyataan, 24 April lalu.



Orang ramai disaran membersihkan kawasan rumah untuk mengelakkan pembiakan jentik-jentik, gambar hiasan

Pada masa sama, beliau berkata, MBSA kini menubuhkan Bilik Gerakan Denggi bagi memantau dan menerima sebarang bentuk aduan daripada masyarakat terhadap kes denggi.

Katanya, ia juga bagi memudahkan masyarakat membuat laporan di talian 03-55222793.

"MBSA terus proaktif menangani masalah demam denggi di

kawasan pentadbiran Majlis dan pada masa sama menyeru supaya warga Shah Alam dapat memastikan kediaman mereka sentiasa bersih.

"MBSA tegas dan mengeluarkan kompaun terhadap premis didapati bersalah atas kesalahan membiak jentik-jentik Aedes di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)," katanya.